

DI SEKELILING PERISTIWA PEMERGIAN DR HATTA KE MEKAH AL-MUKARAMAH

Pada umumnya tidak akan ada terdengar sesuatu pun cuitan atau ejekan bagi seorang yang hendak menunaikan fardhu Haji ke Baitullah Al-Haram; tetapi yang demikian berlainan keadaannya dengan pemergian Dr Hatta wakil Presiden Indonesia yang terkenal peribadinya sebagai seorang Islam yang taat menunaikan perintah-perintah Tuhannya dengan cara Islam. Pemergiannya menunaikan fardhu Haji itu telah menjadi suatu pertikaian faham dan pandangan di antara partai-partai politik di Indonesia- badan-badan politik Muslimin telah menyambut dengan gembira pemergian wakil Presiden itu sedang pihak-pihak Partai Nasional Indonesia, lingkungan-lingkungan kiri dan Partai Komunis mengejek dan tidak berkenan kepada pemergian Dr Mohammad Hatta bahkan pengaruh itu telah sampai ke Malaya di dalam mana akhbar nampaknya telah menzahirkan keraguannya tentang panggilan "Al-Hajj" kepada Tuan Mohammad Hatta pada hal pemergian beliau ke sana menunaikan kewajiban bukannya berhajatkan kepada title Al-Hajj.

Adakah perkaitannya dengan siasah?

Sungguhpun perkataan-perkataan Haji itu telah lazim digunakan oleh peribadi seorang tetapi di dalam percakapan-percakapan yang diucapkan oleh pihak kiri itu telah timbul cara-cara mengejek bahkan penulis sendiri tatkala berada di Indonesia baharu-baharu ini setiap berbual-bual dengan mereka itu dalam masa Dr Hatta belum balik lagi masing-masing ada yang mengatakan apakah ia nanti akan memakai serban atau tidak dan bagaimana mesti mendatangkan panggilan beliau itu pada hal hakikat pemergian ke sana adalah semata-mata mengenai soal peribadinya dan kewajipannya atas agamanya yang dijunjung tinggi oleh dirinya sendiri dan juga oleh orang-orang yang beriman kepada khaliqnya.

Sebelum ia pergi ke sana maka apabila pihak-pihak Islam mengusulkan kepada pemerintah Indonesia supaya perbelanjaan pemergian Dr Mohammad Hatta, yang dahulunya berasal dari puak Kebangsaan itu, supaya dibelanjakan oleh kerajaan maka usul-usul itu dibantah dengan keras oleh puak Kebangsaan dan Komunis sehingga telah terdiri suatu panitia (jawatankuasa) bagi menunjukkan perasaan sukacita terhadap langkah Dr Hatta itu dengan memungut kepada umum perbelanjaan-perbelanjaan kerananya tetapi untung di dalam pertikaian itu kerajaan telah bersetuju untuk membelanjainya- yang demikian ini sudah tentu tidak memuaskan perasaan pihak-pihak pembangkang

Mengapakah maka mereka membangkang langkah Dr Hatta pergi ke Haji itu? Jawabnya ialah tergantung kepada kedudukan politik yang ada di Indonesia. Apabila dahulunya dapat perhubungan yang rapat dan kerjasama yang rapat di antara Masyumi dan Partai Nasional Indonesia (P.N.I) tetapi perhubungan itu telah bertukar di dalam mana Partai Nasional yang dahulunya rapat kepada Masyumi telah menjarakkan dirinya daripada Masyumi lalu menghampiri dan bekerjasama dengan Partai Komunis Indonesia. Telah pernah didatangkan pertanyaan kepada orang-orang pihak Kebangsaan itu apakah yang menjadi sebab mereka itu lebih menghampiri Partai Komunis daripada Partai Masyumi? Bagi jawab yang disampaikan bahawa sebab-sebabnya tidak lain ialah kerana Partai Komunis itu lebih jauh pandangan siasahnya. Ia menyatakan juga bahawa pada hakikatnya namanya sahaja Partai Kebangsaan tetapi jalan-jalannya sekarang dengan kerana ubahan masa, dalam amalnya adalah lebih menghampiri kepada cara-cara sosial demokrat yang terkandung di dalam nama Kebangsaan.

Puak-puak pembangkang ini menyatakan pendapatannya bahawa pemergian Hatta itu adalah berbau politik dengan tujuan supaya di dalam pemilihan umum nanti ia akan mendapat sokongan yang penuh daripada sembilan puluh peratus yang beragama Islam dan kedudukannya apabila terpilih di dalam pemilihan ini tidak lagi sebagai wakil Presiden tetapi akan memegang jawatan



Presiden Sukarno telah dikunjungi oleh kaum muslimat yang menjadi wakil Mukhtamar

Masyumi bahagian ibu di Jakarta – Gambar Waktu.

Perdana Menteri yang dengan kerana itu sebagaimana yang telah dikatakan oleh mereka, akan terasa bagaimana kuasa Hatta terhadap kepada puak-puak kiri terutamanya Partai Komunis Indonesia yang dipandang oleh orang-orang Islam sebagai musuh negara yang dasar-dasarnya berlawanan dengan Panca Sila Indonesia.

Tetapi berlainan pandangan orang-orang Islam terhadap pemergian Hatta itu. Mereka mengetahui bahawa peribadi (sahsiah) Mohammad Hatta itu seorang Islam tetapi semenjak mudanya lagi ia menumpahkan segala tenaga usahanya kepada asas-asas kebangsaan yang diharamkan oleh hukum agama Islam. Dengan pemergiannya itu sesudah ia menjawat jawatan sebagai wakil Presiden yang menjadi sebab ia melucutkan segala tanggungan-tanggungan Partai telah disambut oleh umat Islam dengan gembira. Yang pertama dengan kerana persaudaraan Islam dan

yang kedua dengan kerana langkah itu dipandang oleh mereka sebagai suatu pukulan kepada musuh-musuh Islam di Indonesia dan dengan sebab itulah suatu Panitia telah tertubuh untuk memberi selamat belayar dan menyambut kedatangannya sehingga dalam masa pemergiannya semalam suntuk di Padang Kapal Terbang Kemayuran itu menjadi tempat sambutan keagamaan inilah riwayatnya maka timbul ejekan-ejekan terhadap kepadanya pada hal tidak menjadi suatu perkara adakah ia menggunakan gelaran Haji atau tidak sedang ada dalam tuntutan agama tidak ada selain daripada menunaikan kewajipan semata-mata kepada tiap-tiap yang mampu.

Hanya satu harapan umat Islam Indonesian iaitu bilakah Presiden akan pergi Haji pada hal kesanggupan telah ada?